

34

Strategi Drama dalam Meningkatkan Kemahiran Menjawab Soalan Kefahaman

Ardi Sujak

ardi_sujak@moe.edu.sg

Rashidah Rajah

rashidah_rajah@moe.edu.sg
Sekolah Rendah Xinghua

Abstrak

Menjawab soalan kefahaman adalah satu perkara yang mencabar bagi hampir setiap murid. Oleh kerana tidak memahami apa yang dibaca, murid tidak mampu menjana idea daripada hasil pembacaan untuk menjawab soalan kefahaman. Kajian ini bertujuan untuk melihat bagaimana strategi penerapan genre drama dapat membantu proses pemahaman murid dan meningkatkan kemahiran menjawab soalan kefahaman. Menurut teori kognitif Taksonomi Bloom, kemahiran menjawab soalan kefahaman terbahagi kepada 6 peringkat, iaitu pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Di dalam kajian ini, aktiviti main peran dan templat pemahaman telah digunakan sebagai wadah untuk menggalak penglibatan aktif para murid dalam membentuk kemahiran yang diperlukan. Kajian ini melibatkan kesemua 46 murid Darjah 4 dan penggunaan strategi ini dijalankan di dalam kelas pelajar pelbagai aras selama 6 minggu yang melibatkan 9 sesi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pembelajaran aktif melalui drama untuk mengupas teks kefahaman telah membantu memupuk kemahiran berfikir. Hasil dapatan menunjukkan peningkatan sebanyak 32.6%. Hampir kesemua murid dapat memahami teks yang dibaca, kehendak soalan dan mengenal pasti isi jawapan untuk soalan yang diberikan. Kajian ini membuktikan bahawa strategi drama bukan hanya mampu meningkatkan kemahiran murid dalam keupayaan menjawab soalan kefahaman tetapi juga berjaya menggalak pembelajaran aktif di dalam kelas.

Kata Kunci: strategi drama, kemahiran menjawab soalan kefahaman



PENGENALAN

Komponen kefahaman dalam kertas peperiksaan membawa impak yang agak besar terhadap markah keseluruhan seseorang murid. Namun, tidak ramai murid menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam komponen ini. Melalui pengumpulan data, tren menunjukkan bahawa hampir 50% daripada murid Darjah 4 tidak lulus bahagian kefahaman dalam ujian Bahasa Melayu. Terdapat pelbagai sebab mengapa murid sukar untuk menguasai bahagian ini.

Di dalam jurnal '*Investigating The Cause Of Reading Comprehension Failure*' yang ditulis oleh Kate Cain, Jane. V. Oakhill dan Peter E. Bryant, kemahiran para pelajar dalam menjawab soalan kefahaman bergantung kepada dua faktor, iaitu tahap pemahaman teks dan kemahiran membuat kesimpulan dan menjana idea berdasarkan isi cerita yang dibaca.

PERNYATAAN MASALAH

Hasil tinjauan menunjukkan bahawa faktor utama yang menjadikan kelakonan para murid yang berada pada tahap sederhana dan tahap rendah, ialah ketidakupayaan mereka untuk mengingati atau memahami teks yang mereka baca. Lazimnya, mereka dapat membaca keseluruhan teks tetapi mereka akan terlupa plot atau jalan cerita dari bahagian awal petikan. Adakah mereka agak keliru dengan maksud yang cuba disampaikan dalam teks kerana tidak dapat menggarap informasi secara menyeluruh dan gagal menjana idea untuk membina pemahaman teks yang lebih kukuh.

Murid yang berada pada tahap tinggi pula kurang memahami kehendak soalan dan tidak mahir untuk mengolah jawapan dengan tepat. Jenis soalan yang berbentuk aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian merupakan cabaran utama bagi murid.



TUJUAN KAJIAN

kajian ini dijalankan untuk:

1. melihat bagaimana murid memberi respon terhadap strategi drama dalam pengajaran kefahaman; dan
2. meneliti keberkesanan penggunaan teknik drama dalam merangsang pembelajaran murid.

KAJIAN LEPAS

Banyak kajian telah dijalankan untuk menilai keberkesanan drama bagi membantu pelajar menjawab soalan kefahaman. Di dalam satu kertas kerja yang telah dihasilkan oleh Lenore Blank Kelner dan Rosalind M. Flynn (2006) mereka berpendapat bahawa:

'Drama is a significant reading intervention. Teachers see immediate classroom results when using drama. Students eagerly anticipate drama, showing us their motivation to be actively involved in text.'

Kaedah ini bukan sahaja dapat membantu meningkatkan kemahiran pembacaan dan pemahaman, malah dapat juga menyuntik semangat motivasi dan menggalak pembelajaran aktif di dalam bilik darjah. Suasana kelas yang positif amat diperlukan agar para pelajar dapat meraih manfaat sebaik mungkin.

Tambahan lagi, keberkesanan teknik drama dalam meningkatkan pemahaman para pelajar terhadap teks telah dibuktikan melalui beberapa kajian. Menurut Booth (1985), drama dapat membantu proses penghayatan teks yang menjadikan pembacaan lebih bermakna.

'The link between drama and reading comprehension is a strong one; drama helps students to develop skills embedded in the reading process, such as contextualizing what they read in a text to their own experience, feelings, attitudes, ideas, values, and life situations. In particular drama practices such as story dramatization, character



interviews, tableau, and human slide show are effective.'

Imaginary Gardens with Real Toads: Reading and Drama in Education.
Booth, D. (1985)

Penglibatan aktif murid dalam proses penghayatan teks membolehkan mereka menjana idea dan membina pemahaman teks yang lebih mendalam. Justeru, hal ini akan membantu para murid menjawab soalan kefahaman yang merangkumi pelbagai aras.

KAEDAH KAJIAN

Rancangan pengajaran telah dilakarkan dan setiap murid akan melalui penerokaan dua tahap pembelajaran secara eksplisit.

Langkah pertama melibatkan murid main peran demi membentuk pemahaman terhadap teks yang dibaca. Untuk langkah kedua pula, murid akan didedahkan kepada beberapa jenis soalan dan diajar cara menjawab soalan-soalan yang berbentuk aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Dalam tahap ini, penggunaan templat yang khusus diperkenalkan untuk memudahkan proses menjana maklumat, membantu proses pemikiran dan mencungkil isi jawapan yang tepat daripada teks yang dibaca.

Subjek Kajian

Kajian pengajaran telah dijalankan terhadap 48 murid Darjah 4 sebanyak tiga kitaran di dalam dua kelas Bahasa Melayu. Murid-murid telah dikelompokkan berdasarkan tahap keupayaan mereka:

Kelas	ML1	ML2
Bilangan pelajar	24	22
Tahap	MA - HA	LA - MA
Markah kemasukan	65 - 88	38 - 64




Prosedur Kajian

Kajian ini menggunakan Model 3 Peringkat yang berlandaskan pembelajaran bertahap. Setiap pelajar telah melalui tiga tahap dalam setiap kitaran iaitu :

- proses pengenalan teknik (Pendedahan)
-]proses menggunakan teknik dalam kumpulan (Penerokaan)
- proses menggunakan teknik secara individu (Pelaksanaan)

Rajah 1: Model 3 Peringkat



Murid telah diperkenalkan kepada tiga teknik drama, iaitu teknik penceritaan semula, teknik watak pada dinding dan teknik bingkai filem beku. Dalam setiap sesi, murid telah diberikan teks yang mempunyai ciri-ciri mudah seperti watak antagonis dan protagonis, konflik dalam cerita dan penyelesaian. Murid diajar untuk melakonkan semula, meringkaskan cerita, menilai watak dan mencungkil pengajaran dalam cerita.

Pada sesi pertama dalam setiap kitaran, sewaktu sesi pengenalan teknik, guru telah memimpin murid dan memberi arahan yang terperinci, lengkap dengan contoh tertentu supaya mudah bagi para pelajar mengikuti pembelajaran.




Setelah itu, dalam sesi kedua, guru bertindak sebagai fasilitator dalam rutin pengendalian aktiviti berkumpulan dan memantau penglibatan para pelajar dalam aktiviti yang disediakan. Setelah melaksanakan aktiviti-aktiviti yang dilakarkan bagi sesi ini, para pelajar akan cuba menjawab soalan kefahaman yang disediakan secara kolaboratif. Setelah itu, murid berkongsi hasil dapatan mereka bersama kelas dan guru memberi maklum balas yang menambah nilai jawapan mereka.

Pada sesi ketiga, para murid telah diberi peluang untuk cuba mengisi templat berfikir dan menjawab soalan-soalan kefahaman berdasarkan sebuah teks yang sama darjah kepayahannya. Pada tahap ini juga, guru sudah dapat memerhatikan pemahaman murid terhadap teknik yang digunakan serta menilai kualiti /mutu jawapan mereka.


Instrumen Kajian

Teknik Penceritaan Semula memerlukan para pelajar memainkan peranan sebagai pencerita dan watak dalam cerita. Melalui aktiviti main peran itu, mereka dikehendaki untuk menghayati serta memahami plot atau jalan cerita petikan. Setelah berlakon, para pelajar diarahkan membuat ringkasan cerita dengan hanya menggunakan lima ayat.

Rajah 2A : Templat Ringkasan




Rajah 2B : Templat Urutan Peristiwa




Teknik Watak Pada Dinding memerlukan murid melihat semula sifat watak antagonis dan watak protagonis dalam cerita dan mencatat sifat-sifat yang dikenalpasti dalam templat watak yang disediakan. Murid juga perlu mengemukakan bukti-buktii dari teks sebagai bahan untuk menyokong kenyataan mereka.

Rajah 3A: Watak Pada Dinding




Rajah 3B : Watak Pada Dinding



Teknik Bingkai Filem Beku memerlukan murid memusatkan perhatian kepada konflik atau isu yang dikemukakan dalam cerita. Daripada konflik yang dikemukakan, murid akan mencungkil pengajaran atau mesej yang cuba diutarakan oleh penulis.

Rajah 4: Templat Bingkai Filem Beku



DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian yang dikumpul berdasarkan data kuantitatif dan kualitatif demi menghasilkan kajian yang lebih seimbang. Hasil dapatan menunjukkan peningkatan sebanyak 32.6%. Pada awal kajian, murid telah menduduki praujian dan hanya 26 murid daripada 46 murid yang dapat menjawab sekurang-kurangnya 3 daripada 5 soalan berbentuk literal, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Setelah melalui tiga kitaran penerapan drama dalam pembelajaran kefahaman, lebih ramai murid dapat menjawab lebih daripada 3 soalan kefahaman yang diajukan. Peratusannya sewaktu pasca ujian meningkat daripada hanya 56.5% hingga 89.1%. Data item peperiksaan akhir tahun 2014 juga menunjukkan 100% pelajar darjah 4 lulus bahagian kefahaman.

Perbincangan pasca pengajaran antara guru juga telah diadakan selepas setiap sesi pengajaran dan beberapa perkara yang menghambat pembelajaran para pelajar telah diutarakan dan diubah suai dalam kitaran seterusnya supaya penerapan teknik drama seterusnya akan menjadi lebih berkesan. Contohnya, tag nama kosong telah disediakan dalam set alat tulis kumpulan untuk murid menulis nama watak dan menampalnya pada baju sebagai peringatan, dalam kitaran selanjutnya. Selain itu, penerapan pembelajaran kooperatif '*round robin*' juga diterapkan apabila guru memerhatikan bahawa perbincangan tidak berlaku secara adil dan seimbang. Bentuk templat juga ada yang diubah supaya pelajar lebih mudah dan selesa menggunakannya.

KESIMPULAN

Strategi drama adalah satu kaedah yang dapat menarik minat murid untuk mencapai kemahiran tertentu. Keberkesanan strategi ini dapat dilihat bukan sahaja pada markah murid, malah maklum balas yang diberikan juga amat memberangsangkan. Seorang murid berkongsi bahawa kaedah drama ini membolehkannya membaca sambil cuba membayangkan apa yang sedang berlaku di dalam teks. Hal ini membantunya memahami teks dengan lebih baik. Murid juga berpendapat bahawa pembelajaran berbentuk kolaboratif menjadikan suasana di dalam bilik darjah ceria dan menyeronokkan.

Murid yang kurang mahir membaca akan mendapat bimbingan daripada



rakan sekumpulan untuk memperkuuh kemahiran membaca dan menghayati jalan cerita dengan lebih menyeluruh. Murid daripada kumpulan tahap tinggi pula menyifatkan penggunaan templat untuk mencatat maklumat sebagai wadah yang menggalakkan pemikiran yang lebih terarah. Hasil jawapan murid dalam pasca ujian dan peperiksaan akhir tahun ternyata lebih jelas dan berkualiti.

RUJUKAN

- Cain K., Oakhill J. & Bryant P. *Investigating the Causes of Reading Comprehension Failure: The Comprehension-Age Match Design*. Dirujuk pada 12 April, 2015, daripada <http://core.ac.uk/download/pdf/70777.pdf>
- Farmer D. (2010). Drama Resource. Dirujuk pada April 15, 2015, daripada <http://www.dramaresource.com/strategies>
- Kelner L. & Flynn R. (2006). *A Dramatic Approach to Reading Comprehension: Strategies and Activities for Classroom Teachers*. Dirujuk pada 14 April, 2015, daripada <https://www.heinemann.com/shared/onlineresources/E00794/chapter2.pdf>
- Gungor A. (2008). *Effects of Drama on the Use of Reading Comprehension Strategies and on Attitudes Toward Reading*. Jurnal untuk Learning Through the Arts, E-ISSN: 1932-7528(4(1)). Dirujuk pada 15 April, 2015, daripada <https://escholarship.org/uc/item/4d62r6p9>

